

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN NUSHI BIN MAHFODZ
(SEMENYIH)

SOALAN NO. 8 (ms.91)

TAJUK : TANAH RUNTUH

- a) Nyatakan secara terperinci kejadian tanah runtuhan akibat banjir yang berlaku di DUN Semenyih sejak lima tahun (2019-2024) yang lalu.
- b) Apakah punca dan langkah penyelesaian jangka pendek dan jangka panjang berkaitan kejadian tanah runtuhan ini?

JAWAPAN :

- a. Kegagalan tebing sungai runtuhan adalah fenomena geologi di mana tebing atau sisi sungai mengalami keruntuhan yang disebabkan oleh berbagai faktor alam dan aktiviti manusia. Fenomena ini dapat menyebabkan hilangnya material tanah, kerosakan pada infrastruktur di sekitar sungai, dan bahkan bencana alam seperti banjir dan pergeseran tanah.

Beberapa penyebab utama kegagalan tebing sungai runtuhan antara lain:

- i. Aliran Air Sungai: Arus sungai yang deras dapat menghakis tebing dan mengurangkan kestabilan tanah dan menyebabkan tebing runtuhan.
- ii. Pertambahan Taburan Hujan: Pertambahan taburan hujan, terutama ketika terjadi banjir besar atau curah hujan tinggi, dapat meningkatkan hakisan pada tebing dan mengakibatkan runtuhnya bahagian-bahagian tebing yang tidak stabil.
- iii. Pembukaan Tanah atau Pembersihan Hutan: Penebangan pohon atau deforestasi di sepanjang sungai dapat mengurangi daya tahan akar tanaman yang berfungsi untuk memperkuat tebing. Tanpa akar pohon, tanah menjadi lebih rentan terhadap hakisan.
- iv. Kegiatan Manusia: Aktiviti manusia seperti pembukaan tanah, pembinaan jambatan atau pembangunan di sepanjang sungai, dan penggalian pasir di tebing sungai dapat menyebabkan ketidakstabilan dan memburukkan lagi hakisan.

b. Punca adalah seperti di jawapan (a).

Bagi langkah pendek pula, diperingkat JPS Hulu Langat akan melaksanakan kerja-kerja pembaikan secara lantikan terus atau proses sebutharga dari semasa ke semasa mengikut keperluan atau kejadian runtuhan tebing. Manakala diperingkat JPS Selangor pula bagi jangka panjang satu projek di bawah peruntukan negeri iaitu Projek Tebatan Banjir Di Sungai Rinching, Kampung Rinching Hulu, Mukim Semenyih, Daerah Hulu Langat sedang dalam pelaksanaan.

Bil	Nama Projek	Skop Kerja	Kos (RM)	Status	Isu
JANGKA MASA PANJANG: PRA PELAKSANAAN					
1	Projek Tebatan Banjir DiSungai Rinching,Kampung Rinching Hulu, Mukim Semenyih, Daerah Hulu Langat	<ul style="list-style-type: none">• Menaiktaraf sungai• Menaiktaraf jambatan	26,000,000.00 (Peruntukan Negeri – P13)	Sesi <i>stakeholder engagement</i> akan diadakan bersama penduduk yang berada di kawasan kritikal sahaja yang dijangka diadakan pada bulan Oktober 2024 bagi tujuan permohonan izin lalu tuan tanah.	Berdasarkan kadar pengambilan tanah terkini, dijangka projek ini akan melebihi lebihan siling sedia ada. Jabatan telah bersetuju untuk tidak meneruskan proses pengambilan tanah tetapi proses maraan sungai telah dikemukakan kepada PDT Hulu Langat untuk ulasan pada 29 Mac 2024.

SENARAI KERJA-KERJA SEGERA/JANGKA PENDEK

MUKIM SEMENYIH

Bil.	Tajuk Kerja	Status	Kaedah Perolehan
1.	Kerja-kerja Penyelenggaraan Dan Pembersihan Rezab Parit Utama Semenyih, Sungai Rinching Dan Sungai Purun, Mukim Semenyih, Daerah Hulu Langat	Dalam Perlaksanaan/ Berkala	SEBUTHARGA
2.	Kerja-kerja Penyelenggaraan Dan Berkaitan Di Kolam Semenyih Indah Dan Semenyih Mewah, Mukim Semenyih, Daerah Hulu Langat	Dalam Perlaksanaan/ Berkala	SEBUTHARGA
3.	Kerja-kerja Penyelenggaraan Dan Pembersihan Kolam Di Semenyih, Mukim Semenyih, Daerah Hulu Langat	Dalam Perlaksanaan/ Berkala	SEBUTHARGA
4.	Kerja-kerja Penyelenggaraan Dan Pembersihan Rezab Sg Semenyih Dari Jambatan Kg Rinching Hilir Ke Jambatan Batu 3, Jalan Bangi, Mukim Semenyih, Daerah Hulu Langat	Dalam Perlaksanaan/ Berkala	SEBUTHARGA
5.	Kerja-Kerja Penyelenggaraan Tebing Sungai Semenyih Serta Kerja Berkaitan Di Kampung Pasir, Mukim Semenyih, Daerah Hulu Langat.	SIAP	KERJA UNDI
6.	Kerja-Kerja Penyelenggaraan Tebing Anak Sungai Serta Serta Kerja-Kerja Berkaitan Di Kg. Sg. Machang, Mukim Semenyih, Daerah Hulu Langat.	SIAP	KERJA UNDI
7.	Kerja-Kerja Penyelenggaraan Tebing Sungai Seringgit Serta Kerja-Kerja Berkaitan Di Kg. Sentosa, Mukim Semenyih, Daerah Hulu Langat.	SIAP	KERJA UNDI

8.	Kerja-Kerja Penyelenggaraan Tebing Sungai Purun Serta Kerja-Kerja Berkaitan Di Kg. Sg. Purun, Mukim Semenyih, Daerah Hulu Langat.	SIAP	KERJA UNDI
9.	Kerja-Kerja Penyelenggaraan Kolam Takungan Dan Kerja Berkaitan Di Kolam Pelangi Semenyih 2, Mukim Semenyih, Daerah Hulu Langat.	SIAP	SEBUTHARGA
10.	Kerja-Kerja Penyelenggaraan Kolam Takungan Serta Kerja Berkaitan Di Desa Mewah, Mukim Semenyih, Daerah Hulu Langat	SIAP	KERJA SEGERA
11.	Kerja-Kerja Penyelenggaraan Kolam Takungan Serta Kerja Berkaitan Di Pelangi Semenyih 1, Mukim Semenyih, Daerah Hulu Langat	SIAP	KERJA SEGERA
12.	Kerja-Kerja Penyelenggaraan Tebing Sungai Semenyih Serta Kerja-Kerja Berkaitan Di Kg. Batu 3, Mukim Semenyih, Daerah Hulu Langat.	SIAP	KERJA SEGERA
13.	Kerja-Kerja Penyelenggaraan Dan Pembersihan Rezab Sungai Semenyih Serta Kerja-Kerja Berkaitan Di Pekan Semenyih, Mukim Semenyih, Daerah Hulu Langat.	SIAP	KERJA SEGERA
14.	Kerja-Kerja Penyelenggaraan Tebing Sungai Semenyih Serta Kerja-Kerja Berkaitan Di Taman Lestari Mewah, Mukim Semenyih, Daerah Hulu Langat.	SIAP	KERJA SEGERA
15.	Kerja-Kerja Penyelenggaraan Tebing Sungai Seringgit Serta Kerja-Kerja Berkaitan Di Taman Tasik Semenyih, Mukim Semenyih, Daerah Hulu Langat	SIAP	KERJA SEGERA
16.	Kerja-Kerja Kecemasan Luar Jangka Sungai Purun Serta Kerja-Kerja Berkaitan Di Kg. Sg. Purun, Mukim Semenyih, Daerah Hulu Langat	SIAP	KERJA SEGERA
17.	Kerja-Kerja Kecemasan Luar Jangka Sungai Semenyih Serta Kerja-Kerja Berkaitan Di Batu 2 Kg. Sg. Purun, Mukim Semenyih, Daerah Hulu Langat	SIAP	KERJA SEGERA

